61

# SKIM BANTUAN UNTUK PENIAGA KECIL BUMIPUTERA DI BANDAR MELAKA. SATU KAJIAN KES DI BANDAR MELAKA.

oleh:

NORAINI BTE HASBOLLAH

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PULAU PINANG

1985-1986

ARKIB
rb
fAC895
M22N819

# SKIM BANTUAN UNTUK PENIAGA KECIL BUMIPUTERA
# DI BANDAR MELAKA.

## SATU KAJIAN KES DI BANDAR MELAKA.

OLEH:

NORAINI BTE HASBOLLAH

RANCANGAN PENGAJIAN GEOGRAFI
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PULAU PINANG

Penghargaan

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada pihak-pihak tertentu yang telah memberikan sumbangan yang besar dalam menghasilkan latihan ilmiah ini.

Setinggi-tinggi terima kasih kepada penyelia latihan ilmiah saya iaitu Encik Morshidi Sirat. Beliau telah banyak memberi panduan, tunjuk-ajar, nasihat dan idea-idea yang bernas untuk kajian saya ini. Tanpa bimbingan beliau, amat sukar bagi saya untuk menyiapkan latihan ilmiah saya ini.

Saya juga berterima kasih kepada pegawai-pegawai badan-badan berkanun di bandar Melaka yang telah memberikan kerjasama dalam soal selidik yang saya jalankan. Badan-badan tersebut adalah Majlis Perbandaran Melaka Tengah dan Majlis Amanah Rakyat Negeri Melaka. Maklumat-maklumat dari badan-badan ini membantu melengkapkan kajian saya.

Kemudian, saya juga terhutang budi dengan para peniaga kecil bumiputera di bandar Melaka. Sepanjang pengkajian saya, mereka telah banyak membantu dan memberikan kerjasama yang sangat di-harap-harapkan. Sumbangan mereka amatlah besar peranannya dalam menjayakan kajian saya.

Tidak lupa juga, terima kasih yang tidak terhingga saya kepada keluarga saya yang telah memberi galakan dari masa ke masa kepada saya semasa menjalankan kajian.

Terima kasih yang tidak terhingga juga ingin saya tujukan kepada

suami saya yang telah memberi sokongan moral yang sepenuhnya. Di samping itu, beliau juga turut memberikan sumbangan dalam bentuk idea-idea yang berguna dalam kajian saya ini.

Akhir sekali saya juga tidak melupakan sumbangan dari rakan-rakan saya yang turut menyumbangkan idea dan pendapatan untuk latihan saya ini.

Mudah-mudahan Allah swt dapat membalas budi mereka yang telah memberi sumbangan untuk menjayakan latihan ilmiah saya.

Yang Benar,
Noraini Hasbollah

# Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menganalisa sejauh mana skim bantuan kerajaan dapat membantu meninggikan pendapatan peniaga-peniaga kecil bumiputera dan meningkatkan penyertaan golongan bumiputera dalam bidang perniagaan.

Untuk ini, kajian melalui soal selidik dijalankan yang merangkumi badan-badan berkanun yang melaksanakan skim bantuan dan golongan peniaga kecil bumiputera sebagai peserta dalam skim bantuan di bandar Melaka. Soal selidik ini akan menggambarkan dengan jelas keberkesanan skim bantuan dan pencapaiannya.

Hasil dari pengkajian ini, didapati bahawa dari awal pelaksanaan skim bantuan (1971), kejayaan telah diperolehi. Kejayaan tersebut adalah dari segi peningkatan dalam pendapatan peserta dan penyertaan yang bertambah di kalangan bumiputera untuk menyertai bidang perniagaan melalui skim bantuan. Di samping itu, peluang pekerjaan juga bertambah dan ini mengurangkan kadar pengangguran. Dengan secara langsung satu daripada matlamat Dasar Ekonomi Baru dapat dicapai.

Walaubagaimanapun, didapati bahawa pelaksanaan skim bantuan untuk peniaga kecil bumiputera ini ada masalahnya. Tetapi ini tidak menghalang skim ini dari menunjukkan keberkesanan yang jelas.

## Abstract

This study analyses to what extent the government's subsidiary scheme is successful in raising the income of small-scale businesses, and in increasing the participation of bumiputras in the business sector.

For this purpose, various questionaires were administered to the Quasi-government sector which implement the scheme and to the bumiputras small-scale businessmen in Malacca Town. These questionaires show the effectiveness and the achievement of the scheme.

From the research, it is found out that the introduction of the scheme (1971), it had succeeded. This success is measured in term of the participants' income and the increase in the participation of bumiputras in the business sector. In addition, there are increases in employment opportunities and this lessened or decreased the rate of unemployment. Directly, these achievement are incline with the goals of New Economic Policy.

Nevertheless, these problems did not affect the effectiveness of the scheme.